

Bil. (58) dlm. JK/IP.39/54-A.

Jabatan Kehakiman,
Mahkamah Persekutuan,
Jalan Raja,
KUALA LUMPUR 01-02.

hb. Oktober, 1980.

Semua Penolong Kanan Pendaftar,
Mahkamah Tinggi, Dan Setiausaha Kepada Hakim-Hakim,
Dalam Malaysia.

Tuan/Puan,

Pekeliling Pendaftar Bil. (A) 20/80:

Cuti Bagi Odeli Hakim.

Saya merujuk kepada perkara diatas dan memaklumkan bahawa telah didapati apabila Yang Arif mengambil cuti, Odeli berkenaan telah tidak mengambil cuti. Disamping itu apabila Yang Arif Hakim-Hakim bekerja, Odeli-Odeli berkenaan pula mengambil cuti. Akibat daripada keadaan yang semacam ini Pelayan-Pelayan Pejabat telah digunakan untuk menggantikan tempat Odeli-Odeli Hakim yang bercuti waktu Hakim-Hakim bekerja. Keadaan semacam ini telah menimbulkan kerumitan kerana Pelayan-Pelayan Pejabat ini yang seharusnya menjalankan kerja-kerja mereka di Bahagian-Bahagian masing-masing telah tidak dapat melaksanakan kerja-kerja mereka.

2. Untuk mengatasi masalah ini Odeli-Odeli Hakim hendaklah menyesuaikan keadaan mereka supaya menakala Yang Arif Hakim-Hakim bercuti

mereka pun mengambil cuti dalam tempoh yang sama. Dengan secara ini manakala Yang Arif Hakim bekerja Odeli-Odeli Hakim hendaklah juga bersama, tanpa menggunakan Pelayan Pejabat. Dengan yang demikian Bahagian-Bahagian lain tidaklah terganggu menjalankan fungsinya.

3. Dengan tersibarnya Pekeliling ini, saya berharap tuan akan dapat memastikan bahawa manakala Hakim bercuti Odeli-Odeli Hakim bolehlah mengambil cuti mengikut bilangan cuti yang boleh diperolehi supaya Pelayan-Pelayan Pejabat tidak diganggu lagi dari menjalankan tugas-tugas mereka manakala Yang Arif Hakim bekerja. Dalam pada itu Odeli-Odeli Hakim bolehlah juga diberi cuti mengikut kelayakannya pada masa Hakim bekerja atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan seperti kematian ataupun sakit.

Demikian dimaklumkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

T.T.

(SITI NORMA YAAKOB)

Ketua Pendaftar.

ARMN/Ft.